



# The Observer

16.06.2023

## ❖ Mengulang kaji tiga hak asasi pemegang saham minoriti

Di Malaysia, pemegang saham minoriti syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC) terdiri daripada individu, organisasi dan institusi yang memiliki kuasa mengundi bukan majoriti.

Pemegang saham minoriti tidak semestinya pemegang saham runcit yang terdiri daripada 'mom-and-pops' iaitu perniagaan kecil, milik keluarga atau bebas. Malahan, pemegang saham institusi yang memegang kepentingan minoriti secara teknikalnya adalah pemegang saham minoriti.

Berikut adalah tiga hak asasi semua pemegang saham:

- Hak untuk mendapatkan maklumat
- Hak untuk mengutarakan soalan dan mengemukakan pandangan
- Hak untuk mendapatkan ganti rugi

### **Hak untuk mendapatkan maklumat**

Pemegang saham mempunyai **hak untuk mendapatkan maklumat**. Maklumat sensitif harga yang ketara perlu disebarkan dengan cara yang adil dan sama rata supaya semua pemegang saham mengetahui maklumat ini pada masa yang sama tanpa mengira sama ada mereka memegang kepentingan yang besar atau kepentingan minoriti. Tujuannya adalah untuk mewujudkan medan permainan yang sama rata untuk kesemua pemegang saham - tiada layanan pilih kasih.

Perenggan 9.08 (1) dan (2) Syarat-syarat Penyenaian Sekuriti Bursa Malaysia menyatakan bahawa:

- (1) Penerbit tersenarai mesti menyiarkan maklumat material kepada umum mengikut cara yang membolehkan penyebaran kepada umum dibuat dengan menyeluruh sedapat yang mungkin.
- (2) Penerbit tersenarai mesti memastikan bahawa tiada penzahiran maklumat material dibuat berasaskan individu atau terpilih kepada penganalisis, pemegang syer, wartawan atau orang lain melainkan jika maklumat itu telah dizahirkan sepenuhnya sebelum itu dan disebarkan kepada umum. Sekiranya maklumat material tidak sengaja dizahirkan dalam mana-mana mesyuarat dengan penganalisis, pemegang syer, wartawan atau lain-lain, maklumat itu mesti disebarkan kepada umum secepat mungkin.

Pemegang saham juga **berhak mengetahui** perkembangan semasa dan prospek sesebuah PLC. Melalui mesyuarat agung, terutamanya mesyuarat agung tahunan (*Annual General Meeting, AGM*), para pemegang saham perlu dimaklumkan tentang perkembangan terkini dan prospek PLC kerana laporan tahunan secara umumnya tidak merangkumkan maklumat terkini yang tertentu kerana selang masa antara tarikh penerbitan Laporan Tahunan dan tarikh AGM. PLC perlu membentangkan perkembangan terkini maklumat tersebut sewaktu AGM. Biasanya, ini dilakukan melalui pembentangan slaid oleh Ketua Pegawai Eksekutif (*Chief Executive Officer, CEO*). Maklumat sedemikian amat bermakna kerana ia mencerminkan keadaan semasa PLC.

Satu lagi cara untuk pemegang saham mendapatkan maklumat tentang PLC adalah melalui unit perhubungan pelabur (*investor relation, IR*) sesebuah PLC, jika mereka mempunyai unit ini. Aktiviti IR biasanya merangkumi komunikasi dua hala dengan pemegang saham dan pemegang kepentingan. Jika PLC tiada unit IR, pemegang saham boleh mengutarakan pertanyaan dan kebimbangan mereka kepada CEO atau lembaga pengarah.

### ***Hak untuk mengutarakan soalan dan mengemukakan pandangan***

Pemegang saham juga mempunyai **hak untuk bertanyakan soalan dan mengemukakan pandangan** mereka dalam mesyuarat agung. Hak untuk bersuara (dalam mesyuarat fizikal) atau menulis untuk bertanya (dalam mesyuarat maya) serta mengutarakan pandangan adalah hak asasi mereka. PLC tidak sepatutnya menafikan pemegang saham daripada melaksanakan hak ini.

Kadangkala, lembaga pengarah menghalang pemegang saham daripada bertanya lebih banyak soalan sewaktu mesyuarat agung dijalankan, dengan alasan mereka tidak boleh membenarkan lebih banyak soalan disebabkan kekangan masa. Ada kalanya ia dilakukan secara tiba-tiba.

Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana ia mungkin dilihat sebagai percubaan menguasai perjalanan mesyuarat atau mengabaikan hak pemegang saham.

Bagaimanapun, perjalanan mesyuarat agung masih perlu diteruskan tanpa melayani soalan-soalan yang tidak penting dan tidak relevan. Di sinilah pentingnya peranan seorang pengerusi yang berwibawa yang mampu menutup sesi Soal Jawab secara diplomatik, tegas dan santun.

### ***Hak untuk mendapatkan ganti rugi***

Berdasarkan kepentingan minoriti dalam sesebuah syarikat, pemegang saham minoriti tidak mempunyai kuasa mengundi yang mencukupi untuk mengenakan kawalan ke atas syarikat atau mempunyai pengaruh yang ketara untuk menentukan hala tuju syarikat. Secara amnya, hal ehwal syarikat ditentukan oleh prinsip majoriti iaitu pandangan majoriti mengatasi minoriti.

Dalam sesetengah keadaan yang mana prinsip majoriti telah disalahgunakan, Akta Syarikat 2016 menyediakan peruntukan kepada pemegang saham minoriti untuk mendapatkan layanan yang adil. Seksyen 346 Akta Syarikat memperuntukkan perlindungan kepada pemegang saham minoriti jika berlaku penindasan.

Pemegang saham boleh memohon kepada Mahkamah jika mereka percaya hal ehwal syarikat dilaksanakan dengan cara yang menindas oleh pengarah sehingga tidak mengendahkan hak dan kepentingan pemegang saham. Seorang pemegang saham yang terkesan dalam keadaan sedemikian boleh memulakan litigasi di bawah kapasiti peribadi mereka sebagai pemegang saham syarikat.

Tiga perkara di atas adalah hak asasi pemegang saham.

Sebagaimana pemegang saham minoriti wajib mengetahui dan melaksanakan hak-hak ini, PLC juga perlu bertanggung jawab dan membenarkan mereka melaksanakan hak-hak asasi sebagai pemegang saham minoriti.

### **Norhisam Sidek** **Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

#### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 19 hingga 23 Jun 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
19.06.23 (Isnin) 10.00 pagi	Eco World International Berhad (EGM)	Syarikat mencadangkan pengurangan modal saham terbitan Syarikat sebanyak RM1.5 bilion menurut Seksyen 117 Akta Syarikat 2016.
19.06.23 (Isnin) 10.30 pagi	BCM Alliance Berhad (AGM)	<p>Pendapatan BCM bagi tahun kewangan 2022 meningkat 22.6% kepada RM92.28 juta, disebabkan sumbangan pendapatan yang lebih tinggi daripada semua segmen perniagaan kecuali segmen perniagaan produk penjagaan kesihatan.</p> <p>Namun begitu, rugi bersihnya meningkat kepada RM28.71 juta daripada RM1.18 juta pada tahun kewangan 2021. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian tambahan daripada pelupusan pelaburan sebut harga berjumlah RM19.30 juta, rosot nilai aset tidak ketara sebanyak RM4.92 juta dan perbelanjaan pemasaran yang tinggi berjumlah RM5.00 juta yang</p>

		dibelanjakan untuk perniagaan dobi atas permintaan.
20.06.23 (Selasa) 10.00 pagi	Destini Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Destini pada tahun kewangan 2022 meningkat 7% tahun ke tahun kepada RM186.17 juta berikutan peningkatan dalam nilai buku pesanan.</p> <p>Bagaimanapun, syarikat mengalami rugi bersih berjumlah RM30.15 juta berbanding untung bersih RM3 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Walaupun syarikat bekerja keras untuk mengukuhkan kunci kira-kira, mengurus aliran tunai secara berhemat serta memperuntukkan modal dengan bijak, Destini masih menghadapi cabaran disebabkan perbelanjaan operasi yang tinggi. Di samping itu, prestasi barisan bawah turut terjejas oleh rosot nilai ke atas penghutang sebanyak RM25.47 juta pada tahun kewangan 2022.</p>
20.06.23 (Selasa) 11.00 pagi	FGV Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan tahun ke tahun meningkat 31% kepada RM25.56 bilion (tahun kewangan 2021: RM19.57 bilion) manakala untung bersih meningkat 14% kepada RM1.33 bilion (2021: RM1.17 bilion).</p> <p>Secara keseluruhan, Kumpulan berjaya merekodkan pendapatan dan keuntungan tertinggi pernah dicapai sejak ia disenaraikan pada tahun 2012.</p> <p>Prestasi kewangan yang kukuh ini sebahagian besarnya didorong oleh sumbangan daripada margin produk sawit yang lebih tinggi, yang dicetuskan oleh kenaikan harga purata minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i>, CPO) dan Minyak Sawit Diproses (<i>processed palm oil</i>, PPO) yang direalisasikan pada tahun 2022.</p> <p>Prestasi ini juga disumbangkan oleh daya pemprosesan dan berat tan yang lebih tinggi yang dibawa oleh Sektor Logistik &amp; Lain-lain. Bagaimanapun, prestasinya terjejas oleh kerugian dalam Sektor Gula</p>

		berikutan kos pengeluaran yang lebih tinggi yang dicatatkan pada tahun tersebut.
20.06.23 (Selasa) 11.00 pagi	Sapura Industrial Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2023 iaitu berjumlah RM254.8 juta berbanding RM153.9 juta pada tahun sebelumnya. Ia berjaya memulihkan prestasi dengan menjana untung bersih berjumlah RM9.0 juta berbanding rugi bersih RM3.8 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Kerugian bersih pada tahun kewangan 2021 adalah disebabkan oleh tempoh tanpa pengeluaran selama 3 bulan dari Jun hingga Ogos 2021 selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan bagi membendung wabak Covid-19.</p>
21.06.23 (Rabu) 10.00 pagi	Vitrox Corporation Berhad (AGM)	<p>ViTrox mencapai satu lagi tahun yang memecahkan rekod dengan pendapatan berjumlah RM750.2 juta (tahun kewangan 2021: RM680.1 juta), untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) sebanyak RM206.2 juta (tahun kewangan 2021: RM178.2 juta) dan untung bersih RM200.3 juta (tahun kewangan 2021: RM169.4 juta), dengan pertumbuhan yang luar biasa masing-masing sebanyak 10.3%, 15.7% dan 18.3% berbanding tahun sebelumnya.</p> <p>Prestasi yang teguh menunjukkan daya tahan dan kebolehsuaian perancangan perniagaan ViTrox yang strategik. Kumpulan optimis terhadap prospek masa depannya, walaupun ia mungkin menghadapi potensi kelembapan kitaran yang biasa berlaku dalam industri teknologi.</p>
21.06.23 (Rabu) 10.00 pagi	Aeon Credit Service (M) Berhad (AGM)	<p>Selepas dua tahun mengalami penguncupan, jumlah kasar penghutang pembiayaan AEONCR melantun semula dengan kukuh pada tahun kewangan 2023 dengan pertumbuhan 9.9% kepada RM10.84 bilion (tahun kewangan 2022: RM9.86 bilion), disokong oleh pertumbuhan</p>

		<p>yang memberangsangkan daripada perniagaan Pembayaran Mudah dan Pembiayaan Peribadi (<i>Easy Payment and Personal Financing, EPPF</i>) dalam tahun tersebut.</p> <p>Jumlah volum pembiayaan yang dijana oleh perniagaan EPPF meningkat 42.0% kepada RM4.44 bilion pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM3.13 bilion) dengan semua segmen produk (misalnya Pembiayaan Peribadi, Motosikal, Auto, Objektif) mencatatkan pertumbuhan cemerlang antara 29.4% dan 52.2% pada tahun kewangan 2023.</p>
21.06.23 (Rabu) 02.00 petang	Astro Malaysia Holdings Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Astro bagi tahun kewangan 2023 menyusut 9% tahun ke tahun kepada RM3.80 bilion, sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam segmen perdagangan, langganan dan pendapatan lain.</p> <p>Bagaimanapun, ia menyaksikan pertumbuhan dalam perniagaan perusahaan dan jalur lebar, yang disokong oleh pemulihan sektor hospitaliti dan pelancaran Astro Fibre.</p> <p>Pendapatan pengiklanan menyusut 3% tetapi bertambah baik pada separuh kedua tahun fiskal.</p> <p>Sementara itu, untung bersihnya merosot 44% kepada RM259 juta, ekoran perbelanjaan cukai yang lebih tinggi.</p>
21.06.23 (Rabu) 02.30 petang	Jadi Imaging Holdings Berhad (EGM)	<p>Jadi telah mencadangkan penepian hak preemptif statutori pemegang saham ke atas saham biasa baharu dalam Syarikat yang akan diterbitkan dan diperuntukkan di bawah penempatan persendirian.</p> <p>Pada bulan April tahun lepas, Jadi telah memperoleh kelulusan pemegang saham untuk penempatan persendirian sehingga 30% daripada jumlah bilangan saham terbitannya kepada pelabur bebas pihak ketiga.</p>

22.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	Sarawak Oil Palms (AGM)	SOP mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 19.8% kepada RM5.3 bilion pada tahun kewangan 2022, terutamanya disebabkan oleh harga yang lebih tinggi yang direalisasikan untuk produk sawit yang dijual. Sementara itu, untung bersihnya menyusut 6.8% kepada RM504 juta, terutamanya disebabkan oleh kos pengeluaran yang lebih tinggi, di samping pengeluaran tandan buah segar ( <i>fresh fruit bunch</i> , FFB) yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada impaknya dapat dikawal oleh harga produk sawit yang lebih menggalakkan.
22.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	My E.G. Services Berhad (AGM)	<p>MYEG mencatatkan pendapatan berjumlah RM651.11 juta (tahun kewangan 2021: RM721.88 juta) manakala untung bersihnya meningkat 26.4% kepada RM400.40 juta (tahun kewangan 2021: RM316.71 juta).</p> <p>Pendapatan yang menyusut mencerminkan permintaan yang lebih rendah untuk perkhidmatan yang berhubung penjagaan kesihatan seperti perkhidmatan kuarantin kerana prosedur operasi standard berkaitan COVID-19 telah pun ditarik balik secara progresif berikutan peralihan negara kepada fasa endemik. Walau bagaimanapun, penyusutan ini telah diselaraskan dengan peningkatan sumbangan daripada penyediaan produk dan perkhidmatan lain, termasuk konsesi sedia ada dan perkhidmatan berkaitan konsesi.</p>
22.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	Mah Sing Group Berhad (AGM)	Mah Sing Group Berhad mencapai jualan hartanah sebanyak RM2.12 bilion (termasuk jualan tanah RM115.3 juta) bagi tahun kewangan 2022 iaitu peningkatan 32.2% berbanding RM1.6 bilion pada tahun kewangan 2021 dan jualan hartanah tertinggi pernah dicatatkan sejak tahun 2016. Syarikat menasarkankan untuk meningkatkan pencapaian ini pada tahun 2023, dengan sasaran

		<p>jualan minimum sebanyak RM2.2 bilion.</p> <p>Untung sebelum cukai Mah Sing melonjak 20.5% kepada RM264.1 juta pada tahun 2022.</p>
22.06.23 (Khamis) 10.00 pagi	Pertama Digital Berhad (AGM)	<p>Pertama Digital mencatatkan rugi bersih berjumlah RM9.9 juta daripada operasi perniagaannya yang berterusan manakala operasi perniagaan yang dihentikan mencatatkan rugi bersih RM38 juta pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Syarikat melupuskan perniagaan utamanya pada tahun kewangan 2022. Oleh yang demikian, ia diklasifikasikan sebagai penerbit tersenarai yang terjejas di bawah Perenggan 8.03A Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama.</p> <p>Syarikat dikehendaki supaya mengemukakan pelan penyusunan semula kepada Bursa Securities.</p>
22.06.23 (Khamis) 11.00 pag	Master-Pack Group Berhad (AGM)	<p>Master-Pack merekodkan prestasi kewangan terbaik dalam sejarah syarikat apabila merekodkan pendapatan berjumlah RM161 juta dan untung bersih berjumlah RM22 juta dengan margin untung bersih 13% pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Selaras dengan prestasi yang kukuh, Syarikat memberikan ganjaran kepada pemegang saham dengan pembayaran dividen sebanyak 10 sen sesaham pada tahun kewangan 2022 iaitu 4 sen lebih tinggi daripada 6 sen sesaham pada tahun kewangan 2021.</p>
22.06.23 (Khamis) 11.00 pagi	KPJ Healthcare Berhad (AGM)	<p>Perolehan KPJ meningkat lebih tiga kali ganda kepada RM172.0 juta pada tahun 2022 berbanding RM54.8 juta pada tahun 2021, apabila pendapatannya meningkat 13% kepada RM2.92 bilion daripada RM2.59 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan pendapatan didorong oleh peningkatan 10% dalam jumlah pesakit dan kadar penghunian katil (<i>bed occupancy rate, BOR</i>) yang</p>



		lebih tinggi sebanyak 58% (2021: 43%). Perolehan pula meningkat pada kadar yang lebih tinggi disebabkan oleh pemulihan BOR yang kukuh serta amalan pengurusan kos yang lebih baik.
22.06.23 (Khamis) 02.00 petang	Senheng New Retail Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, Senheng mencapai pendapatan tertingginya berjumlah RM1.56 bilion atau peningkatan kira-kira 8.2% tahun ke tahun. Pertumbuhan itu didorong oleh usaha pengembangan dan menaik taraf kedai, yang berjaya menarik lebih ramai pelanggan dan melonjakkan jualan.</p> <p>Walau bagaimanapun, perbelanjaan operasi dan pentadbiran yang lebih tinggi serta perbelanjaan penyenaian tidak berulang telah menyebabkan penyusutan untung bersih sebanyak 7.4% kepada RM60.5 juta. Namun, perbelanjaan ini selaras dengan pengembangan agresif Kumpulan untuk menubuhkan kedai "<i>Territory Champion</i>" (Juara Wilayah) iaitu 16 kedai baharu/ dinaik taraf yang menawarkan ruang yang lebih besar serta rangkaian produk yang lebih luas.</p>
22.06.23 (Khamis) 02.30 petang	G3 Global Berhad (AGM)	<p>Rugi bersih G3 Global menyusut sedikit kepada RM9.8 juta pada tahun kewangan 2022 berbanding RM10.4 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Peningkatan ini disumbangkan oleh inisiatif berterusan G3 Global untuk mengekalkan struktur kos yang padu namun ia diimbangi oleh ketidakupayaan syarikat untuk mengutip pendahuluan yang diberikan kepada subkontraktor di bawah Bahagian Penjagaan Kesihatan dan penghutang perdagangan yang lama tertunggak di bawah Bahagian Teknologi Maklumat (ICT) berjumlah RM6.3 juta.</p>
22.06.23 (Khamis) 02.30 petang	Glomac Berhad (EGM)	Kumpulan mencadangkan untuk mengambil alih baki 49%

		kepentingan ekuiti dalam Glomac Bina Sdn Bhd yang tidak dimiliki oleh Glomac Berhad daripada Tan Sri Dato' Mohamed Mansor Bin Fateh Din dan Mohd Yasin Loh Bin Abdullah pada harga RM16.25 juta.
22.06.23 (Khamis) 03.00 petang	Sunway Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2022, Sunway merekodkan pertumbuhan sebanyak 39.7% dan 98.3% dalam pendapatan dan untung sebelum cukai masing-masing kepada RM5.19 bilion (tahun kewangan 2021: RM3.72 bilion) dan RM920.1 juta (tahun kewangan 2021: RM463.9 juta).</p> <p>Pendapatan yang lebih tinggi adalah ekoran peningkatan sumbangan daripada kesemua segmen perniagaan, yang menyumbang kepada lonjakan prestasi.</p> <p>Sehubungan itu, garis bawahnya juga mengalami peningkatan dengan sumbangan keuntungan yang lebih tinggi daripada semua segmen perniagaan kecuali segmen Lain-lain.</p>
23.06.23 (Jumaat) 02.30 petang	Adventa Berhad (AGM)	Adventa mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM4.8 juta pada tahun kewangan 2022, berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.6 juta pada tahun kewangan 2021, berikutan penyusutan pendapatan sebanyak 40% daripada RM97.6 juta kepada RM59.0 juta. Perniagaan bekalan penjagaan kesihatan syarikat berdepan cabaran disebabkan penyimpanan stok yang tinggi oleh hospital, yang mengurangkan permintaan untuk barangan utama seperti sarung tangan getah dan pelitup muka untuk pembedahan selain peningkatan kos pengilangan dan logistik.

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
BCM Alliance Berhad (AGM)	Penghutang lain, deposit dan prabayaran meningkat kepada RM78.3 juta pada tahun kewangan 2022 daripada RM39.4 juta pada tahun kewangan 2021. Ini disebabkan oleh

	<p>peningkatan dalam penghutang lain dan deposit, masing-masing sebanyak RM24.3 juta dan RM13.6 juta. (Halaman 127, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Sila berikan pecahan untuk penghutang lain.</p> <p>b) Seperti yang dinyatakan pada AGM tahun lepas, Kumpulan telah membuat penempatan berjumlah RM30 juta dengan sebuah firma guaman terkenal pihak ketiga. Berapakah jumlah dana yang masih ditempatkan di firma guaman ini? Berapakah pendapatan faedah yang diterima daripada dana ini pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Apakah nama firma guaman ini?</p> <p>d) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam deposit?</p>															
<p>Destini Berhad (AGM)</p>	<p>1. Terdapat peningkatan ketara dalam caj rosot nilai Kumpulan ke atas item-item berikut bagi tahun kewangan 2022: (Halaman 102, Laporan Tahunan 2022)</p> <table border="1" data-bbox="592 913 1385 1099"> <thead> <tr> <th></th> <th>2022</th> <th>2021</th> </tr> <tr> <th><b>Kerugian rosot nilai ke atas:</b></th> <th><b>RM'000</b></th> <th><b>RM'000</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>- Penghutang perdagangan</td> <td>19,851</td> <td>1,718</td> </tr> <tr> <td>- Penghutang lain</td> <td>6,696</td> <td>425</td> </tr> <tr> <td>- Hartanah, loji dan peralatan</td> <td>934</td> <td>-</td> </tr> </tbody> </table> <p>a) Apakah sebab utama caj rosot nilai yang besar bagi setiap item di atas?</p> <p>b) Bagi setiap item di atas, apakah kemungkinan berlakunya pertambahan rosot nilai atau pembalikan atau kebolehpulihan, jika ada, pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Adakah rosot nilai ini dijangka bertambah pada masa hadapan?</p> <p>d) Berapakah daripada jumlah rosot nilai ini telah berjaya dipulihkan sehingga kini?</p> <p>2. Kerugian rosot nilai ke atas jumlah terhutang daripada anak syarikat telah meningkat kepada RM130.2 juta pada tahun kewangan 2022. Jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2021. (Halaman 102, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Sila berikan nama anak-anak syarikat yang terlibat dalam kerugian rosot nilai ini.</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan kerugian rosot nilai yang tinggi pada tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Apakah langkah/ tindakan yang diambil oleh Syarikat bagi memastikan kerugian rosot nilai ke atas jumlah</p>		2022	2021	<b>Kerugian rosot nilai ke atas:</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	- Penghutang perdagangan	19,851	1,718	- Penghutang lain	6,696	425	- Hartanah, loji dan peralatan	934	-
	2022	2021														
<b>Kerugian rosot nilai ke atas:</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>														
- Penghutang perdagangan	19,851	1,718														
- Penghutang lain	6,696	425														
- Hartanah, loji dan peralatan	934	-														

	<p>terhutang daripada anak-anak syarikat tidak terus meningkat?</p> <p>d) Berapakah daripada jumlah rosot nilai ini telah berjaya dipulihkan sehingga kini?</p>
FGV Holdings Berhad (AGM)	<p>Kerugian rosot nilai ke atas jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan lain melonjak kepada RM12.75 juta (2021: RM0.14 juta), manakala kerugian rosot nilai ke atas akaun belum terima (bersih) meningkat dengan ketara kepada RM13.44 juta (2021: RM2.94 juta). (Halaman 19 &amp; 20, Penyata Kewangan Beraudit 2022)</p> <p>a) Apakah punca peningkatan yang ketara dalam kerugian rosot nilai ke atas jumlah terhutang daripada syarikat berkaitan? Syarikat berkaitan yang manakah yang terlibat dalam kerugian rosot nilai ini? Apakah kebarangkalian untuk pembalikan atau tambahan kepada kerugian rosot nilai ini pada tahun kewangan berakhir 2023?</p> <p>b) Mengapakah terdapat peningkatan yang begitu besar dalam kerugian rosot nilai ke atas akaun belum terima (bersih)? Apakah yang terkandung dalam jumlah penghutang yang dirosot nilai ini? Berapakah jumlah kerugian rosot nilai yang berjaya dipulihkan sehingga kini dan apakah kebarangkalian untuk mendapatkan semula bakinya?</p>
Sapura Industrial Berhad (AGM)	<p>Kumpulan berjaya mendapatkan Toyota sebagai pelanggan baharu pada tahun kewangan 2023 dan telah memulakan pembangunan untuk bekalan komponen brek dan spring gegelung bagi model baharu mereka. (Halaman 30, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Berapakah jangkakan jualan setahun bagi komponen brek dan spring gegelung kepada Toyota?</p> <p>b) Adakah Kumpulan sudah mula membekalkan komponen brek dan spring gegelung kepada Toyota?</p> <p>c) Apakah tempoh kontrak untuk kontrak baharu dengan Toyota ini?</p>
Vitrox Corporation Berhad (AGM)	<p>Kumpulan menjangkakan jeda yang singkat dalam pertumbuhan pada separuh pertama 2023 disebabkan keadaan makroekonomi global yang tidak memberangsangkan serta kekurangan bahan namun ViTrox yakin dengan daya tahan dan ketangkasnya untuk mengharungi cabaran ini. Pada separuh tahun kedua, Kumpulan menjangkakan lonjakan permintaan untuk produknya di China apabila negara itu membuka semula sempadannya dan kerajaan memberikan sokongan yang padu. Sebaik sahaja pembetulan inventori tamat pada penghujung separuh pertama 2023, Kumpulan percaya kapasiti pengeluaran akan mula meningkat, selaras dengan</p>

	<p>kembalinya keyakinan pengguna. (Halaman 43, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Setakat ini, adakah terdapat petanda yang menunjukkan peningkatan permintaan untuk produk Kumpulan? Apakah nisbah tempahan kepada bil semasa?</p>
Aeon Credit Service (M) Berhad (AGM)	<p>Menyentuh kualiti aset, nisbah pinjaman tidak berbayar (<i>non-performing loan</i>, NPL) AEONCR meningkat kepada 2.9% daripada 2.66% pada tahun kewangan 2022, dengan kos kredit bersih yang lebih tinggi sebanyak 2.6% pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: 1.47%).</p> <p>NPL yang semakin merosot (juga merupakan yang tertinggi dalam tempoh lima tahun yang lalu) sebahagian besarnya disebabkan oleh prestasi kutipan yang rendah. Ini disebabkan oleh kekurangan upaya membayar hutang oleh segmen pelanggan tertentu.</p> <p>a) Segmen pelanggan manakah yang menghadapi isu pembayaran hutang?</p> <p>b) Antara produk pembiayaan dan pembayaran AEONCR (Peribadi, Motosikal, Auto, Objektif dan Kad Kredit), produk manakah yang mencatatkan nisbah NPL yang tinggi? Apakah panduan pengurusan berhubung NPL dan kos kredit bersih untuk tahun kewangan 2024?</p> <p>c) Melihat peningkatan dalam NPL dan kos kredit, bagaimanakah AEONCR menambah baik kualiti asetnya?</p>
Astro Malaysia Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2023, Syarikat mengiktiraf kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak syarikat berjumlah RM763.3 juta. Amaun ini tiada pada tahun kewangan 2022. (Halaman 85, Penyata Kewangan Beraudit 2023).</p> <p>a) Sila nyatakan nama anak-anak syarikat yang mengalami kerugian rosot nilai.</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan kerugian rosot nilai yang tinggi pada tahun kewangan 2023?</p> <p>c) Apakah tindakan yang diambil oleh Syarikat untuk memastikan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam anak-anak syarikat tidak terus meningkat?</p> <p>d) Berapakah daripada jumlah yang dirosot nilai ini berjaya dipulihkan sehingga kini?</p>
Sarawak Oil Palms (AGM)	<p>Sejumlah 2,384 hektar telah ditanam semula pada tahun 2022 berbanding 513 hektar pada tahun 2021. Purata perolehan tandan buah segar (<i>fresh fruit bunch</i>, FFB) Kumpulan menurun kepada 14.50 tan metrik sehektar berbanding 15.23 tan metrik sehektar pada tahun 2021. (Halaman 36, Laporan Tahunan 2022)</p>

	<p>a) Berapakah amaun yang dibelanjakan oleh Kumpulan untuk menanam semula 2,384 hektar pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Apakah sasaran kawasan penanaman semula Kumpulan bagi tahun kewangan 2023 dan berapakah perbelanjaan modal yang dianggarkan?</p> <p>c) Bilakah Kumpulan menjangkakan pemulihan dalam kadar hasil FFB?</p>
My E.G. Services Berhad (AGM)	<p>Kemasukan MYEG ke dalam landskap blok rantai (<i>blockchain</i>) meskipun belum sempurna, mulai membuahakan hasil pada tahun kewangan 2022. Pelbagai perkhidmatan berasaskan blok rantai sudah mula beroperasi dan Kumpulan mulai melihat inisiatif blok rantainya menjana pendapatan, yang memberikan petanda baik untuk tahun-tahun akan datang. (Halaman 20, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Dengan pelbagai perkembangan terkini Kumpulan dalam ruang blok rantai, sejauh manakah perkhidmatan berasaskan blok rantai ini dijangka menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2023?</p>
Mah Sing Group Berhad (AGM)	<p>Kumpulan menghapus kira inventori berjumlah RM9.1 juta pada tahun kewangan 2022. Tiada hapus kira inventori direkodkan pada tahun kewangan 2021. (Halaman 160, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan menghapus kira inventori berjumlah RM9.1 juta pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Sila berikan jenis inventori dan nilainya yang dihapus kira pada tahun kewangan 2022.</p> <p>c) Adakah Kumpulan meramalkan apa-apa hapus kira inventori pada tahun kewangan 2023?</p>
Pertama Digital Berhad (AGM)	<p>Pada 10 Ogos 2022, Syarikat mengumumkan bahawa ia telah mencetuskan Perenggan 8.03A(2)(a) (bb) Syarat-syarat Penyenaaraan Pasaran Utama ("SP Pasaran Utama") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") serta-merta selepas Syarikat memuktamadkan pelupusan kepentingan ekuiti dalam Be Top, seperti yang dinyatakan dalam nota 14 kepada penyata kewangan, kerana pelupusan itu dianggap sebagai pelupusan perniagaan utama oleh Syarikat.</p> <p>Oleh yang demikian, Syarikat diklasifikasikan sebagai Penerbit Tersenarai Yang Terjejas di bawah Perenggan 8.03A SP Pasaran Utama. Menurut Perenggan 8.04(3) SP Pasaran Utama, Syarikat dikehendaki mengemukakan pelan penyusunan semula kepada Bursa Securities dalam tempoh 12 bulan dari tarikh Syarikat mula-mula mengumumkan bahawa ia diklasifikasikan sebagai Penerbit Tersenarai Yang Terjejas, iaitu pada atau sebelum 9 Ogos 2023.</p>

	<p>Pada tarikh laporan ini, Syarikat sedang menyemak pemerolehan yang sesuai dan berpotensi untuk pelan penyusunan semula (Halaman 173-174, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Pada 2 Mei 2023, Syarikat mengumumkan bahawa ia akan terus berusaha untuk menyemak dan memilih daripada pilihan yang ada berdasarkan kedudukannya sebagai penerbit tersenarai yang terjejas. Pelan penyusunan yang menyeluruh sedang dibangunkan oleh Syarikat dan penasihatnya yang dilantik, dengan mengambil kira semua pilihan yang ada untuk membantu proses penyusunan semula.</p> <p>Syarikat mempunyai kira-kira 3 bulan untuk mengemukakan pelan penyusunan semula kepada pihak berkuasa yang berkaitan untuk diluluskan.</p> <p>a) Apakah perkembangan rancangan penyusunan semula Syarikat?</p> <p>b) Berapakah jumlah pemerolehan yang paling sesuai dan berpotensi untuk pelan penyusunan semula di bawah semakan semasa?</p> <p>c) Adakah Pertama Digital dapat memenuhi tarikh akhir yang ditetapkan?</p>
<p>Master-Pack Group Berhad (AGM)</p>	<p>Menyentuh tentang penzahiran dalam Penyata Kelestarian Master-Pack (halaman 21, Laporan Tahunan 2022) mengenai Hal-hal Alam Sekitar, Master-Pack hanya mendedahkan tahap penggunaan air dan tenaga untuk operasinya.</p> <p>Adakah Syarikat akan mempertimbangkan untuk mendedahkan lebih banyak statistik utama seperti pelepasan gas rumah hijau, sisa loji, enapcemar perekat dan enapcemar dakwat, yang lebih relevan dengan operasinya?</p> <p>Pendedahan data ini amat penting bagi meningkatkan kejelasan kepada pihak berkepentingan tentang usaha kelestarian Master-Pack.</p>
<p>KPJ Healthcare Berhad (AGM)</p>	<p>Pengurusan kos yang berdisiplin oleh KPJ serta penambahbaikan aktiviti hospital pada tahun 2022 membawa kepada peningkatan pendapatan dan margin yang lebih baik. Hospital dalam tempoh tunggu hasil telah menunjukkan margin EBITDA yang positif atau kerugian yang berkurangan. Walau bagaimanapun, perkembangan ini sebahagiannya diimbangi oleh kerugian daripada Hospital Pakar Damansara 2 baharu, yang mula beroperasi pada September 2022 (Halaman 32, Laporan Tahunan Bersepadu 2022).</p> <p>a) Apakah strategi khusus untuk pengurusan kos yang dilaksanakan oleh KPJ pada tahun 2022 dan berapakah pengurangan kos yang berjaya dicapai? Apakah pula</p>

	<p>strategi khusus pengurusan kos KPJ bagi tahun 2023 dan berapakah penjimatan yang dijangkakan?</p> <p>b) Hospital manakah yang sedang dalam fasa tunggu hasil atau mengalami kerugian? Apakah garis masa yang diunjurkan bagi hospital-hospital ini untuk menjana keuntungan?</p> <p>c) Berapa lamakah tempoh tunggu hasil purata bagi hospital-hospital KPJ sebelum mencapai keuntungan? Berapakah pulangan pelaburan purata yang dijangkakan oleh KPJ untuk dicapai apabila hospital sudah mencapai tempoh matang?</p>
Senheng New Retail Berhad (AGM)	<p>Inventori yang diturunkan nilai meningkat dengan ketara daripada RM1.89 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM2.95 juta pada tahun kewangan 2022 (Halaman 90, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Apakah inventori yang terlibat dalam penurunan nilai ini dan apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam penurunan nilai?</p> <p>b) Apakah tindakan yang diambil untuk meminimumkan penurunan nilai ini pada masa hadapan? Adakah Syarikat menjangkakan penurunan nilai yang tinggi pada tahun akan datang?</p>
G3 Global Berhad (AGM)	<p>G3 Global juga berusaha meningkatkan pendapatan semasa dengan mencuba mendapatkan projek-projek ICT yang berpotensi yang kini dalam peringkat perbincangan (Halaman 10, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Apakah perkembangan peringkat perbincangan yang dimaksudkan ini? Adakah G3 Global berharap untuk memperoleh mana-mana projek ICT yang berpotensi? Jika ya, berapakah nilai projek yang berpotensi untuk dianugerahkan kepada Syarikat pada tahun kewangan 2023?</p>
Glomac Berhad (EGM)	<p>Pengambilalihan yang dicadangkan bakal menyelaraskan perniagaan pembinaan Glomac Bina Sdn Bhd ("GBSB") di bawah Glomac, yang dibayangkan oleh Syarikat akan menambah baik kecekapan operasi dan meningkatkan sinergi operasi antara Kumpulan Glomac dan GBSB dengan memanfaatkan sumber, kepakaran dan pengalaman masing-masing. Ia juga bertujuan menyatukan operasi bagi mencapai skala dalam operasi serta kehadiran pasaran. (Halaman 7, Pekeliling)</p> <p>a) Berapakah anggaran penjimatan daripada pengambilalihan GBSB ke atas operasi Kumpulan?</p> <p>b) Adakah pengambilalihan GBSB akan melibatkan pengurangan kakitangan? Jika ada, berapa ramai kakitangan yang dijangka akan terkesan oleh pengambilalihan ini?</p>



<p>Sunway Berhad (AGM)</p>	<p>Sunway Healthcare Group ("SHG") telah meluaskan jangkauannya kepada tiga buah hospital tertiar selepas pembukaan Pusat Perubatan Sunway Velocity pada September 2019 dan Pusat Perubatan Sunway Pulau Pinang pada November 2022. SHG akan menambah jejaknya di Sunway City Ipoh (Perak), Sunway Damansara (Selangor), Kota Bharu (Kelantan), Sunway City Iskandar Puteri (Johor) dan Paya Terubong (Pulau Pinang). Ini akan mendorong SHG menjadi salah sebuah kumpulan penjagaan kesihatan terbesar di rantau ini dengan kapasiti gabungan sebanyak lebih 3,000 katil di seluruh rangkaian hospitalnya. (Halaman 6, Laporan Tahunan Bersepadu 2022)</p> <p>a) Sunway Healthcare Group akan menambah lima hospital lagi kepada tiga hospital tertiar yang sedia ada. Bilakah setiap hospital baharu disasarkan untuk beroperasi?</p> <p>b) Bagaimanakah keadaan bekalan dan permintaan semasa dalam industri penjagaan kesihatan dan apakah yang boleh dijangkakan dalam jangka masa terdekat hingga sederhana?</p> <p>c) Sejauh manakah permintaan pasaran yang membuatkan Kumpulan menambah lebih banyak katil daripada kapasiti sedia ada sebanyak 875 katil kepada kapasiti sasaran sebanyak 3,000 katil?</p> <p>d) Bagaimanakah Kumpulan akan membiayai pengembangan kapasiti ini?</p> <p>e) Berapakah peratus pendapatan SHG bagi tahun kewangan 2022 yang dijana daripada pelancongan perubatan?</p>
<p>Adventa Berhad (AGM)</p>	<p>Persekitaran perniagaan bagi bekalan hospital berdepan cabaran berikutan simpanan stok yang tinggi oleh hospital dan ini mengurangkan permintaan untuk barangan utama seperti sarung tangan getah dan pelitup muka untuk pembedahan. Sektor ini juga terjejas oleh pengetatan belanjawan perolehan hospital serta peningkatan kos pembuatan dan logistik. Akibatnya, Kumpulan mengalami rugi sebelum cukai sebanyak RM4.8 juta pada tahun 2022 berbanding untung sebelum cukai sebanyak RM7.6 juta pada tahun 2021, dengan pendapatan Kumpulan merosot kepada RM59.0 juta daripada RM97.6 juta pada tahun sebelumnya (halaman 4, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Berapa lamakah Adventa menjangkakan situasi berkaitan stok dan belanjawan hospital ini akan berakhir? Menurut pandangan dan jangkaan Adventa, bilakah pasaran akan kembali seimbang?</p> <p>b) Memandangkan belanjawan perolehan dalam sektor awam telah diperketatkan, apakah rancangan dan tindakan yang akan diambil oleh Adventa untuk menyesuaikan diri dengan cabaran ini? Apakah peluang</p>

	<p>yang boleh diterokai oleh Adventa dalam sektor swasta atau pasaran lain untuk mengimbangi permintaan yang menyusut daripada sektor awam?</p> <p>c) Pada suku pertama 2023, Adventa menyaksikan pendapatannya menyusut 25% tahun ke tahun kepada RM18.3 juta dan rugi sebelum cukainya berjumlah RM831k. Apakah jangkaan khusus Adventa terhadap prestasi untuk suku tahun 2023 yang masih berbaki?</p>
--	---

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.